

Program di Kolej Inti jadi pilihan pelajar

oleh Norzilawati Abdul Halim

KOLEJ Inti menawarkan program prauniversiti yang diiktiraf peringkat antarabangsa dengan mengutamakan reputasi pendidikan berkualiti menepati keperluan kemasukan universiti di luar negara.

Bertepatan dengan komitmen kolej Inti iaitu "Quality the essence of Inti", membuktikan pencapaian cemerlang pelajar sejak beberapa tahun di peringkat Cambridge A-Level dan Program Matrikulasi Australia Selatan (AM).

Tahun lalu, 94 peratus pelajar kolej berkenaan yang mengambil peperiksaan SAM berjaya memperoleh Sijil Pendidikan Australia Selatan (SACE) dan kebanyakan diterima meneruskan pengajian tinggi di beberapa universiti luar negara.

Antara pelajar terbaik ialah Chen Qingwen yang mendapat keputusan 5A, kini mengikuti pengajian Sains Bioperubatan di Universiti Adelaide, Australia.

Selain pencapaian terbaik AM, Kolej Inti juga berjaya meletakkan pelajar cemerlang dalam peperiksaan Cambridge A-Level iaitu 12 peratus daripada mereka memperoleh A.

Keputusan ini turut mencatatkan 40 peratus pelajar yang mengambil A-Level memperoleh A. Selain mencatatkan kelulusan 90 peratus dalam subjek Perakmatan dan Matematik.

Seorang pelajar cemerlang ambridge A-Level, Cherrine Han Yueh Ying turut ditawarkan lisiswa tuisyen sepanjang pengajian tiga tahun bernilai M145,000 daripada Malaysia Australia Colombo Plan Commemoration (MACCP).

alia.

Program prauniversiti yang ditawarkan Kolej Inti menjadi pilihan utama pelajar tempatan kerana menawarkan pelbagai subjek bersesuaian kehendak pelajar yang berhasrat untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda

Program prauniversiti yang ditawarkan Kolej Inti menjadi pilihan utama pelajar tempatan kerana menawarkan pelbagai subjek bersesuaian kehendak pelajar yang berhasrat untuk mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Antaranya ialah bidang perakaunan, sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan, perundangan, perubatan, farmasi dan sains kesihatangunaan.

Menerusi Kolej Inti juga, pelajar boleh memanfaatkan keputusan Cambridge A-Level dan SAM untuk memohon program ijazah sarjana muda seperti 1+2, 2+1, 2+2, 3+1 dengan kerjasama 200 rakan universiti luar negara, antaranya di Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Ketua Program Cambridge A-Level, Tai Peck Wah berkata, Kolej Inti menawarkan 32 jam program bahasa Inggeris untuk pelajar yang mahu memperbaiki penguasaan bahasa itu selain menyiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan International English Language Testing System prauniversiti di kolej itu, berpe-

luang mendapat Biasiswa Merit yang ditawarkan Kolej Inti di Bandar Baru Nilai dan Subang Jaya.

Tai berkata, pemohon yang memperoleh 9A dalam SPM atau O-Level, layak mendapat pengecualian yuran sepenuhnya, 50 peratus yang mendapat 8A dan 25 peratus bagi 7A dan 6A.

Kolej Inti mempunyai pensyarah sepenuh masa dan penasihat akademik berpengalaman yang sentiasa membantu dan memberi panduan kepada pelajar mengenai pilihan universiti yang sesuai seperti kaunseling, permohonan visa dan penyediaan sebelum berlepas ke universiti luar negara.

Pensyarah pengajian SAM di kolej itu, turut dihantar mengikuti kursus penilaian dan pemarkahan kertas peperiksaan SAM ke Adelaide, selain menerima kunjungan daripada Lembaga Penilai Kanan Australia Selatan untuk tujuan pemantauan.

Bilangan pelajar dalam kelas juga seimbang kerana mahu mewujudkan Interaksi pensyarah dan pelajar yang sekali gus dapat lajar baru akan diselia pensyarah



PELAJAR program prauniversiti Kolej Inti turut didedahkan dengan persekitaran kampus yang sebenar.

pada semester pertama yang bertujuan membantu mereka menyesuaikan diri di persekitaran kampus.

Pendedahan persekitaran kampus di Kolej Inti Bandar Baru Nilai dan Subang Jaya memberi kelebihan kepada pelajar program prauniversiti kerana kolej itu dilengkapi dengan kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang terkini di samping dapat mengenali budaya pelajar antarabangsa.

Kolej Inti Subang Jaya mempelawa lepasan SPM atau O-Level mengunjungi Hari Terbuka Fokus pada 10 April ini untuk program Sains Gunaan dan Sosial Sains serta 17 April bagi program Komputer dan Teknologi Maklumat.

Pelajar yang berhasrat untuk memohon Merit Biasiswa, juga boleh membawa slip keputusan peperiksaan masing-masing. www.inti.edu.my